KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	012.03.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JMG			

Tanah runtuh di Taman Bukit Permai

Hujan lebat berterusan punca tragedi



Amirudin melawat lokasi kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Lokasi disahkan zon kawasan lapang, tiada sebarang aktiviti pembalakan

Oleh Safeek Affendy Razali, Faris Fuad dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Ampang Jaya: Hujan lebat berterusan dipercayai menjadi punca kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, di sini, yang mengorbankan empat mangsa, kelmarin.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata berdasarkan pemantauan pihak berkuasa di lokasi mendapati, tidak ada sebarang aktiviti pembalakan dan pengosongan tanah dilakukan di kawasan itu.

"Tempat kejadian adalah zon kawasan lapang dan tidak ada sebarang aduan kami terima membabitkan sebarang aktiviti di kawasan ini.

"Aduan yang kami terima sebelum ini adalah di kawasan sejauh empat kilometer dari lokasi iaitu di Taman Permai, namun tiada aduan diterima di kawasan ini.

"Kita akan terus memantau keadaan di lokasi ini dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media di lokasi kejadian, di sini, semalam.

Beliau berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan melakukan kajian terperinci dalam tempoh dua hingga tiga hari untuk mengenal pasti sama ada kawasan itu selamat diduduki atau tidak dan penduduk di kawasan terjejas perlu mengosongkan rumah maksimum lima hari bergantung pada situasi semasa.

"Buat masa ini, pemasangan kanvas akan dilakukan untuk mengelak pergerakan tanah terutama ketika hujan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan negeri akan memberi sumbangan RM10,000 kepada setiap keluarga empat mangsa yang maut, selain mempertimbangkan bantuan kepada penduduk lain yang terjejas.

Amirudin berkata, polis juga akan mewujudkan balai sementara di lokasi kejadian dan melakukan pemantauan 24 jam sehari.

"Penduduk terkesan boleh buat laporan terus di balai berkenaan.

"Pada masa sama, penghuni di 48 rumah terjejas diharap dapat kosongkan kediaman. Jangan bimbang kerana polis akan melakukan rondaan hampir setiap masa," katanya.